Rujukan : LPJ/IP/OPS/24JLD4(018)

Tarikh /Date : 15 November 2026 / *15 November 2026*

NOTIS PELABUHAN BIL 05/2026

PORT NOTICE NO 05/2026

KEPADA: **OPERATOR PELABUHAN, EJEN PERKAPALAN, EJEN PENGHANTARAN, PENGHANTAR FRET, PERSATUAN-PERSATUAN DAN PENGGUNA-PENGGUNA PELABUHAN**

TO: *PORT OPERATORS, SHIPPING AGENTS, FORWARDING AGENTS, FREIGHT FORWARDERS, ASSOCIATIONS AND PORT USERS*

PERKARA: **DASAR BAHARU PELESENAN LEMBAGA PELABUHAN JOHOR**

SUBJECT: *NEW LICENSING POLICY OF THE JOHOR PORT AUTHORITY*

---

1. Notis Pelabuhan ini dikeluarkan oleh Lembaga Pelabuhan Johor bagi memaklumkan Lembaga Pelabuhan Johor (LPJ) telah menetapkan dasar baharu berkaitan pelesenan aktiviti dan perkhidmatan di bawah seliaan LPJ sebagai sebahagian daripada usaha memperkukuh tadbir urus, pematuhan, keselamatan serta penyelarasan aktiviti di dalam kawasan dan had pelabuhan di bawah bidang kuasa LPJ.

2. Dasar baharu ini melibatkan kategori lesen berikut:

   i. **Lesen Jeti**
   Pelesenan bagi pembagunan, pengoperasian dan penggunaan jeti serta aktiviti berkaitan yang tertakluk kepada kelulusan dan syarat-syarat yang ditetapkan oleh LPJ.

1. *This Port Notice is issued by the Johor Port Authority (JPA) to inform all relevant stakeholders that JPA has established a new policy governing the licensing of activities and services under its jurisdiction, as part of its ongoing efforts to strengthen governance, compliance, safety, and the coordination of activities within the port areas and port limits under JPA's jurisdiction.*

2. *The new policy covers the following categories of licences:*

   i. ***Jetty Licence***
   Licensing for the development, operation and use of jetties, including related activities, subject to the approval and conditions prescribed by the Johor Port Authority (JPA).

ii. **Lesen Perkhidmatan Sokongan**
Pelesenan bagi penyedia perkhidmatan sokongan pelabuhan dan marin yang menjalankan aktiviti di dalam kawasan atau had pelabuhan di bawah bidang kuasa LPJ.

iii. **Lesen Lay-Up**
Pelesenan bagi aktiviti penempatan kapal secara *lay-up* di lokasi yang diluluskan oleh LPJ, tertakluk kepada keperluan keselamatan, operasi, alam sekitar dan syarat-syarat lain yang ditetapkan.

3. Dasar pelesenan ini dilaksanakan menurut kuasa dan fungsi yang diperuntukkan kepada Lembaga Pelabuhan Johor di bawah **Akta Lembaga-Lembaga Pelabuhan 1963 [Akta 488]**, serta mana-mana undang-undang kecil, peraturan, arahan, ketetapan atau garis panduan yang berkuat kuasa dari semasa ke semasa.

4. Mana-mana pemegang lesen, individu, syarikat, pemilik, operator atau pihak yang didapati gagal mematuhi mana-mana syarat lesen, keperluan atau ketetapan yang ditetapkan oleh Lembaga Pelabuhan Johor boleh dikenakan tindakan penguatkuasaan dan/atau tindakan undang-undang, termasuk penggantungan atau pembatalan lesen, pengeluaran kompaun, pendakwaan atau apa-apa tindakan lain sebagaimana yang diperuntukkan di bawah undang-undang yang berkuat kuasa.

*ii. **Support Services Licence***
Licensing for providers of port and marine support services carrying out activities within the port areas or port limits under the jurisdiction of JPA.

*iii. **Lay-Up Licence***
Licensing for the lay-up of vessels at locations approved by JPA, subject to safety, operational and environmental requirements, as well as any other conditions prescribed by JPA.

3. This licensing policy is implemented pursuant to the powers and functions conferred upon the Johor Port Authority under the Port Authorities Act 1963 [Act 488], together with any applicable by-laws, regulations, directives, determinations, or guidelines in force from time to time.

4. Any licence holder, individual, company, owner, operator, or other party found to have failed to comply with any licence conditions, requirements, or directives prescribed by the Johor Port Authority may be subject to enforcement and/or legal action, including the suspension or revocation of the licence, issuance of compounds, prosecution, or any other action as provided for under the applicable laws.

5. Semua pihak adalah dikehendaki untuk mematuhi arahan ini sepenuhnya. Kerjasama daripada semua pengguna pelabuhan amat dihargai bagi memastikan keselamatan, kelancaran serta kecekapan operasi pelabuhan sentiasa terpelihara.

6. Dasar baharu dirujuk di laman rasmi LPJ dipautan www.lpjpcs.gov.my.

7. Notis pelabuhan ini berkuat kuasa bagi permohonan bermula **pada 1 Januari 2027.**

8. Sebarang pertanyaan lanjut berhubung perkara ini boleh dikemukakan kepada:

Lembaga Pelabuhan Johor
Tel: 07-253 4000

Sekian, terima kasih.

5. All parties are required to fully comply with the requirements set out in this Port Notice. The cooperation of all port users and relevant stakeholders is highly appreciated in ensuring that the safety, smooth operation, and efficiency of port operations are maintained at all times.

6. Details of the new licensing policy are available on the official JPA website at www.lpjpcs.gov.my.

7. This Port Notice shall apply to all applications submitted on or after **1 January 2027.**

8. For further enquiries regarding this matter, please contact:

Johor Port Authority
Tel: +607-253 4000

Thank you.

PROFESIONALISME MEMANTAPKAN PERKHIDMATAN

PROFESIONALISM ENHANCE SERVICES

DR. SITI NORAISHAH AZIZAN
Pengurus Besar
Lembaga Pelabuhan Johor
General Manager
Johor Port Authority
sitinoraishah@lpj.gov.my

No. dokumen / Document Number: 2602204

LEMBAGA PELABUHAN JOHOR

DASAR PENGURUSAN

LESEN PERKHIDMATAN SOKONGAN

TAHUN 2027

ISI KANDUNGAN

1. TUJUAN 1
2. TAFSIRAN 1
3. LATAR BELAKANG 5
4. TERMA DAN SYARAT 5
5. PERMOHONAN LESEN 7
6. PEMBATALAN DAN / ATAU PENGGANTUNGAN LESEN 7
7. PINDAAN 8
8. GARIS PANDUAN 8
9. TARIKH KUATKUASA 9
10. PEMBATALAN 9
11. MAKLUMAT PERTANYAAN 9

LAMPIRAN A 10

LAMPIRAN B 12

LAMPIRAN C 18

LAMPIRAN D 19

1.0 TUJUAN

Dasar ini bertujuan untuk memaklumkan, menetapkan dan menguatkuasakan pengurusan permohonan Lesen Perkhidmatan Sokongan di dalam had Pelabuhan, di bawah bidang kuasa Lembaga Pelabuhan Johor.

2.0 TAFSIRAN

Melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain, tafsiran di bawah hendaklah terpakai bagi maksud dasar ini:

"Pelulus" ertinya Pengurus Besar Lembaga Pelabuhan Johor (LPJ) atau mana-mana pegawai yang dilantik untuk menjalankan tanggungjawab Pengurus Besar.

"Penyokong" ertinya Pegawai / Pengurus yang dilantik secara rasmi

"Ejen Penghantaran" ertinya agensi yang menjalankan aktiviti pengurusan logistik import dan/atau eksport bagi mewakili kepentingan pengirim dan penerima kargo, sama ada di peringkat antarabangsa atau domestik.

"Operator Gudang" ertinya agensi yang menguruskan penerimaan, penyimpanan dan penyerahan kargo di dalam gudang bagi tujuan import atau eksport.

"Operator Instolasi" ertinya agensi yang menjalankan kerja-kerja berkaitan pemasangan, penyelenggaraan atau pembaikan sistem elektrik.

"Depoh Dalam Pelabuhan" ertinya kawasan penyimpanan sementara kontena kosong.

"Juruukur Kargo" ertinya agensi yang menjalankan pemeriksaan, pengukuran atau penelitian ke atas kuantiti, keadaan dan kualiti kargo sama ada semasa penghantaran atau penyimpanan.

"Kerani Hitung" ertinya kerani yang bertugas di dermaga pelabuhan untuk menjalankan kerja-kerja pengiraan, penerimaan dan penyerahan kargo, termasuk aktiviti memunggah dan memuat kargo ke atau dari kapal.

"Pemunggah Kargo" ertinya kerja-kerja memuat dan memunggah kargo ke kapal atau sebaliknya.

"Perkhidmatan Mengikat" ertinya perkhidmatan yang membekalkan tenaga kerja bagi tujuan mengikat, membuka ikatan dan mengukuhkan muatan kargo di atas kapal, khususnya kapal kontena.

"Pewasapan" ertinya perkhidmatan yang menjalankan kerja-kerja pemusnahan serangga atau perosak melalui kaedah pengasapan, sama ada di dalam kontena atau gudang.

"Peralatan Pemunggah Kargo" ertinya peralatan sokongan operasi punggah dan muat kargo, termasuk tetapi tidak terhad kepada net, shackle, monkey face dan peralatan lain yang berkaitan.

"Perkhidmatan Jentera Punggah" ertinya perkhidmatan penggunaan jentera pengangkat untuk tujuan mengangkat, memindahkan atau menyusun kargo dari lori atau di dalam gudang.

"Tindakbalas Tumpahan Minyak" ertinya kerja-kerja menangani dan mengawal tumpahan bahan berbahaya, sama ada di laut atau di darat.

"Perkhidmatan Jentera Kren" ertinya perkhidmatan jentera kren yang digunakan bagi tujuan mengangkat dan memindahkan kargo dalam operasi pelabuhan.

"Perkhidmatan Jentera Konveyor" ertinya perkhidmatan pemindahan kargo menggunakan sistem penghantar berasaskan rantai atau getah, dari satu lokasi ke lokasi lain dengan pemantauan secara jarak jauh.

"Operator Pukal" ertinya pengendali atau syarikat yang menjalankan kerja memuat atau memunggah kargo pukal, termasuk simen, klinker, beras, gandum dan kargo am.

"Pembungkusan" ertinya kerja-kerja membungkus, menyusun atau mengumpul produk bagi tujuan keselamatan, kekemasan dan mengelakkan kerosakan.

"Perkhidmatan Pemandu Roro / Kargo" ertinya perkhidmatan yang menyediakan pekerja berlesen dan dilesenkan untuk menjalankan kerja-kerja memandu, memuat atau memunggah kenderaan import atau eksport ke atau dari kapal Ro-Ro.

"Pembekal Keperluan Kapal" ertinya agensi pembekal barangan keperluan kapal, termasuk bekalan makanan dan barangan lain untuk kegunaan anak kapal , alat ganti kapal, minyak pelincir dan produk peneutralan asap kapal.

"Memuat dan Memunggah" ertinya perkhidmatan yang menyediakan tenaga kerja bagi menjalankan kerja-kerja memuat, memunggah dan menyusun kargo ke dalam atau keluar dari kontena bagi tujuan import atau eksport.

"Penyelaman" ertinya perkhidmatan penyelaman yang menjalankan kerja-kerja teknikal di bawah air dalam kawasan atau had perairan pelabuhan, termasuk pembaikan kapal, pencarian kargo dan kerja-kerja kaji selidik.

"Pembekalan Air Tawar" ertinya perkhidmatan pembekalan air tawar kepada kapal melalui saluran paip atau kaedah lain di jeti.

"Pembekal Bahan Bakar" ertinya agensi yang menjalankan aktiviti pembekalan bahan api kepada kapal bagi kegunaan enjin

"Pembaikan Kapal" ertinya perkhidmatan yang menjalankan kerja-kerja pembaikan kapal.

"Pembaikan dan pembekalan alat ganti jentera" ertinya kerja-kerja pembaikan dan pembekalan alat ganti jentera punggah, termasuk kren, conveyor, RTG dan kelengkapan berkaitan.

"Sisa Domestik" ertinya perkhidmatan yang menjalankan kerja-kerja pengumpulan dan pelupusan sisa buangan domestik dari kapal, dan dalam kawasan premis pelabuhan termasuk sisa makanan dan bahan buangan pepejal.

"Perkhidmatan Tambatan" ertinya perkhidmatan tenaga kerja bagi menjalankan kerja-kerja menambat dan melepaskan kapal, termasuk aktiviti berthing, unberthing dan peralihan kapal.

"Pelupusan Sisa" ertinya perkhidmatan pengendalian pelupusan sisa minyak pelincir enjin dan bahan buangan terjadual

"Operasi Kapal ke Kapal" ertinya operasi pemindahan kargo dari kapal induk ke kapal lain.

"Juruukur Bahan Bakar" ertinya individu atau juru ukur bunker yang dilesenkan oleh LPJ bagi menjalankan pengukuran bahan api kapal.

"LPJ" ertinya Lembaga Pelabuhan Johor

"Pihak Berkuasa" ertinya badan / agensi atau individu yang diberikan kuasa oleh undang-undang untuk menjalankan fungsi menurut keputusan atau melaksanakan tanggungjawab tertentu dalam bidang kuasanya.

"Piagam Pelanggan" ertinya satu komitmen bertulis atau aku janji rasmi daripada sesebuah organisasi atau agensi kerajaan terhadap penyampaian perkhidmatan dan produk kepada pelanggan secara terbuka, jelas, dan telus

3.0 LATAR BELAKANG

3.1 Lembaga Pelabuhan Johor menjalankan kuasa-kuasa yang diperuntukkan di bawah Seksyen 3(2)(v) Akta Lembaga-Lembaga Pelabuhan 1963 serta Undang-Undang Kecil Lembaga Pelabuhan Johor 1979, bagi tujuan melesenkan perkhidmatan dan kerja-kerja yang dijalankan di premis pelabuhan dan dalam had pelabuhan di bawah bidang kuasanya.

3.2 Fungsi utama perlesenan adalah untuk memastikan semua aktiviti perkhidmatan sokongan yang beroperasi di dalam had Pelabuhan Tanjung Pelepas dan Pasir Gudang dijalankan secara sah, teratur dan peraturan yang ditetapkan oleh LPJ serta agensi berkaitan.

3.3 LPJ hendaklah memastikan bahawa Lesen Perkhidmatan Sokongan hanya dikeluarkan setelah semua syarat pelesenan dipatuhi sepenuhnya, selaras dengan Piagam Pelanggan LPJ, selepas dokumen sokongan lengkap diterima.

3.4 Pengurusan Lesen Perkhidmatan Sokongan dilaksanakan melalui sistem Marine Management System (MMS) bermula Jun 2016.

4.0 TERMA DAN SYARAT

4.1 Lesen Operasi

4.1.1 LPJ boleh mengambil tindakan saman atau tindakan undang-undang terhadap mana-mana perkhidmatan atau kerja yang dijalankan oleh Pemegang Lesen sekiranya secara sengaja atau cuai ingkar untuk mematuhi mana-mana peraturan, arahan atau ketetapan yang dikeluarkan oleh LPJ, dan meneruskan pelaksanaan perkhidmatan atau kerja tersebut di mana-mana premis pelabuhan.

4.1.2 Pemegang Lesen hendaklah pada setiap masa mematuhi dan melaksanakan sepenuhnya segala peraturan, syarat dan arahan yang dikeluarkan oleh pegawai-pegawai LPJ yang diberikuasa

4.1.3 Pemegang Lesen hendaklah mengemukakan permohonan permbaharuan Lesen Perkhidmatan Sokongan dalam tempoh tiga puluh (30) hari sebelum tarikh tamat tempoh lesen, sekiranya perkhidmatan tersebut masih diperlukan. Notis Peringatan akan dikeluarkan oleh LPJ melalui sistem e-mail dalam tempoh berkenaan.

4.1.4 Pemegang Lesen hendalah memastikan semua permit dan/atau lesen yang dikeluarkan oleh agensi kerajaan lain adalah sah dan masih berkuatkuasa semasa permohonan pembaharuan lesen dikemukakan. Lesen Perkhidmatan Sokongan adalah terbatal secara serta-merta sekiranya mana-mana permit dan/atau lesen daripada agensi pelulus lain di batalkan, digantung atau ditarik balik,

4.1.5 Syarikat atau Pemilik hendaklah mematuhi semua undang-undang Kerajaan, peraturan, perintah dan apa-apa pindaan di bawah Akta Lembaga-Lembaga Pelabuhan 1963 yang berkuat kuasa dari semasa ke semasa.

4.1.6 Lesen yang dikeluarkan hanya sah dan terpakai dalam had Pelabuhan Lembaga Pelabuhan Johor sahaja.

4.1.7 Pejabat operasi Pemegang Lesen hendaklah mempunyai cawangan pejabat operasi di Negeri Johor.

4.1.8 Sebarang aktiviti tambahan sewaktu aktiviti perkhidmatan sokongan hendaklah mendapat kelulusan daripada Pihak Berkuasa berkaitan.

4.1.9 Pemegang Lesen bertanggungjawab ke atas apa-apa tuntutan, kerugian atau liabiliti yang timbul akibat aktiviti yang dijalankan.

4.1.10 Lesen tidak boleh dipindah milik, disewakan atau dipinjamkan kepada mana-mana pihak lain.

4.1.11 Lesen hendaklah sedia dikemukakan kepada mana-mana Pihak Berkuasa apabila diperlukan.

4.1.12 LPJ boleh mengambil tindakan undang-undang terhadap Pemegang Lesen sekiranya secara sengaja atau cuai melanggar mana-mana peraturan atau arahan pegawai LPJ yang diberi kuasa.

4.1.13 Lesen yang dikeluarkan tidak boleh ditafsirkan sebagai suatu jaminan atau komitmen untuk mendapatkan sebarang peluang perniagaan di pelabuhan atau terminal.

5.0 PERMOHONAN LESEN

5.1 Permohonan boleh dibuat secara dalam talian di www.lpjpcs.gov.my.

5.2 Tempoh lesen adalah 1 tahun (permohonan pembaharuan) dan 6 bulan (permohonan baharu).

5.3 Tiada bayaran balik lesen akan diberikan sekiranya Pemegang Lesen membatalkan lesen yang telah dikeluarkan.

5.4 Permohonan pembaharuan lesen hendaklah dikemukakan dalam tempoh tiga puluh (30) hari sebelum tarikh tamat tempoh lesen.

5.5 Lesen terbatal secara serta-merta sekiranya bayaran lesen gagal dijelaskan dalam tempoh empat belas (14) hari bekerja daripada tarikh kelulusan lesen.

5.6 LPJ berhak membatalkan atau menggantung lesen tanpa notis sekiranya maklumat yang dikemukakan didapati palsu atau tidak benar.

5.7 Semua keputusan berkaitan kelulusan, pembatalan, penggantungan dan pembaharuan lesen hendaklah diputuskan oleh Pelulus..

6.0 PEMBATALAN DAN/ATAU PENGGANTUNGAN LESEN

6.1 LPJ boleh pada bila-bila masa, menurut budi bicara mutlaknya, membatalkan atau menggantung lesen atau kedua-duanya sekali sekiranya:

i. Pemegang Lesen melakukan suatu kesalahan di bawah Akta Lembaga-Lembaga Pelabuhan 1963 (Akta 488), Undang-Undang Kecil LPJ dan peraturan yang berkuatkuasa dari semasa ke semasa; atau

ii. Pemegang Lesen melanggar mana-mana syarat lesen.

6.2 LPJ boleh mengeluarkan apa-apa arahan yang difikirkan perlu demi kepentingan awam, dan Pemegang Lesen hendaklah mematuhi arahan tersebut.

6.3 Pemegang Lesen tidak berhak menuntut sebarang pampasan atas pembatalan, penggantungan atau keengganan pembaharuan lesen.

7.0 PINDAAN

7.1 Dasar ini tertakluk kepada pindaan, semakan dan perubahan dari semasa ke semasa.

7.2 LPJ berhak meminda mana-mana peruntukan tanpa notis terlebih dahulu.

7.3 Sekiranya mana-mana peruntukan dalam terma dan syarat ini diputuskan sebagai tidak sah atau tidak boleh dikuatkuasakan, peruntukan tersebut hendaklah dianggap terasing dan dipotong tanpa menjejaskan kesahan dan penguatkuasaan peruntukan-peruntukan lain yang masih berkuat kuasa.

8.0 GARIS PANDUAN

8.1 Kadar bayaran Lesen Perkhidmatan Sokongan **(Lampiran A)**

8.2 Syarat dokumen Lesen Perkhidmatan Sokongan **(Lampiran B)**

8.3 Carta alir pengurusan Lesen Perkhidmatan Sokongan oleh LPJ **(Lampiran C)**

8.4 Carta alir pengurusan Lesen Perkhidmatan Sokongan oleh pemohon **(Lampiran D)**

9.0 TARIKH KUATKUASA

9.1 Dasar Pengurusan Lesen Perkhidmatan Sokongan ini berkuat kuasa mulai **1 Januari 2027.**

10.0 PEMBATALAN

10.1 Dengan berkuatkuasanya Dasar Pengurusan Lesen Perkhidmatan Sokongan ini, maka Dasar Pengurusan Lesen Perkhidmatan Sokongan (Pindaan Pertama) adalah dibatalkan.

11.0 MAKLUMAT PERTANYAAN

Sebarang pertanyaan berhubung Dasar Pengurusan Lesen Perkhidmatan Sokongan boleh ditujukan kepada:

Lembaga Pelabuhan Johor
Jalan Mawar Merah 2,
Pusat Perdagangan Pasir Gudang 2,
81700 Pasir Gudang
Johor
Tel: 07- 253 4000

"PROFESIONALISME MEMANTAPKAN PERKHIDMATAN"



Pengurus Besar
Lembaga Pelabuhan Johor

LAMPIRAN A

KADAR BAYARAN LESEN PERKHIDMATAN SOKONGAN

KOD TP/PG	KATEGORI LESEN PERKHIDMATAN SOKONGAN	KADAR BAYARAN LESEN	
		BARU (6 BULAN)	PEMBAHARUAN (1 TAHUN)
		RM	RM
1	Ejen Penghantaran	525	1025
2	Operator Gudang	525	1025
3	Operator Instolasi	525	1025
4	Depoh Dalam Pelabuhan	525	1025
5	JuruUkur Kargo	525	1025
6	Kerani Hitung	525	1025
7	Pemunggah Kargo	525	1025
8	Perkhidmatan Mengikat	525	1025
9	Pewasapan	525	1025
10	Peralatan Penunggah Kargo	525	1025
11	Perkhidmatan Jentera Punggah	525	1025
12	Tindakbalas Tumpahan Minyak	525	1025
13	Perkhidmatan Jentera Kren	525	1025
14	Perkhidmatan Jentera Konveyor	525	1025
15	Operator Pukal	525	1025
16	Pembungkusan	525	1025
17	Pekhidmatan Pemandu Roro / Kargo	525	1025
18	Pembekal Keperluan Kapal	275	525
19	Memuat dan Memunggah	275	525
20	Penyelaman	275	525
21	Pembekalan Air Tawar	275	525

22	Pembekalan Bahan Bakar	525	1025
23	Pembaikan Kapal	275	525
24	Pembaikan dan Pembekalan Alat Ganti Jentera	525	1025
25	Sisa Domestik	275	525
26	Perkhidmatan Tambatan	275	525
27	Pelupusan Sisa	275	525
28	Operasi Kapal ke Kapal	10,000	10,000
29	Juru ukur Bahan Bakar	525	1025

Makluman:

1. Bagi Kod Bidang 21, 22, 25, 27 dan 28, tempoh kelulusan adalah berdasarkan tarikh tamat sebenar permit DSL yang dikeluarkan oleh KPM atau/dan surat kelulusan Jabatan Laut Malaysia.
2. Kadar bayaran Kod Bidang 21, 22, 25, 27 dan 28 adalah dikira secara pro rata mengikut bulan.

LAMPIRAN B

SYARAT DOKUMEN LESEN PERKHIDMATAN SOKONGAN

KOD DOKUMEN	LAMPIRAN	BARU (6 BULAN)	PEMBAHARUAN (1 TAHUN)
01 – Ejen Penghantaran			
01	Sijil SSM	✓	✓
02	Profil Syarikat	✓	✓
04	Company Act 1965 (Form 24, 44* & 49*) or Company Act 2016 (Form 14/ 46(3), 51/58/78)	✓	✓
02 – Operator Gudang			
01	Sijil SSM	✓	✓
02	Profil Syarikat	✓	✓
04	Company Act 1965 (Form 24, 44* & 49*) or Company Act 2016 (Form 14/ 46(3), 51/58/78)	✓	✓
03 – Operator Instolasi			
01	Sijil SSM	✓	✓
02	Profil Syarikat	✓	✓
04	Company Act 1965 (Form 24, 44* & 49*) or Company Act 2016 (Form 14/ 46(3), 51/58/78)	✓	✓
04 – Depoh Dalam Pelabuhan			
01	Sijil SSM	✓	✓
02	Profil Syarikat	✓	✓
04	Company Act 1965 (Form 24, 44* & 49*) or Company Act 2016 (Form 14/ 46(3), 51/58/78)	✓	✓
05 – Juruukur Kargo			
01	Sijil SSM	✓	✓
02	Profil Syarikat	✓	✓
04	Company Act 1965 (Form 24, 44* & 49*) or Company Act 2016 (Form 14/ 46(3), 51/58/78)	✓	✓
17	Lesen atau Lantikan Cargo Survey	✓	✓
06 – Kerani Hitung			
01	Sijil SSM	✓	✓
02	Profil Syarikat	✓	✓
04	Company Act 1965 (Form 24, 44* & 49*) or Company Act 2016 (Form 14/ 46(3), 51/58/78)	✓	✓

07 – Pemunggah Kargo			
01	Sijil SSM	✓	✓
02	Profil Syarikat	✓	✓
04	Company Act 1965 (Form 24, 44* & 49*) or Company Act 2016 (Form 14/ 46(3), 51/58/78)	✓	✓
08 – Perkhidmatan Mengikat			
01	Sijil SSM	✓	✓
02	Profil Syarikat	✓	✓
04	Company Act 1965 (Form 24, 44* & 49*) or Company Act 2016 (Form 14/ 46(3), 51/58/78)	✓	✓
25	Sijil Latihan	✓	✓
09 – Pewasapan			
01	Sijil SSM	✓	✓
02	Profil Syarikat	✓	✓
04	Company Act 1965 (Form 24, 44* & 49*) or Company Act 2016 (Form 14/ 46(3), 51/58/78)	✓	✓
26	Sijil Skim Akreditasi Pewasapan Malaysia (MAFAS) yang masih sah dikeluarkan oleh Jabatan Pertanian Malaysia	✓	✓
10 – Peralatan Pemunggah Kargo			
01	Sijil SSM	✓	✓
02	Profil Syarikat	✓	✓
04	Company Act 1965 (Form 24, 44* & 49*) or Company Act 2016 (Form 14/ 46(3), 51/58/78)	✓	✓
27	Satu (1) contoh dokumen peralatan yang diluluskan oleh Jabatan Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan (JKKP) Malaysia.	✓	✓
11 – Perkhidmatan Jentera Punggah			
01	Sijil SSM	✓	✓
02	Profil Syarikat	✓	✓
04	Company Act 1965 (Form 24, 44* & 49*) or Company Act 2016 (Form 14/ 46(3), 51/58/78)	✓	✓
28	Satu (1) contoh dokumen peralatan yang diluluskan oleh Jabatan Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan (JKKP) Malaysia.	✓	✓
12 – Tindakbalas Tumpahan Minyak			
01	Sijil SSM	✓	✓

02	Profil Syarikat	✓	✓
04	Company Act 1965 (Form 24, 44* & 49*) or Company Act 2016 (Form 14/ 46(3), 51/58/78)	✓	✓
20	Surat lantikan sebagai penyedia perkhidmatan *Oil Spill Respond* (OSR).	✓	✓
29	Dokumen audit peralatan Oil Spill Respond (OSR)	-	✓
13 – Perkhidmatan Jentera Kren			
01	Sijil SSM	✓	✓
02	Profil Syarikat	✓	✓
04	Company Act 1965 (Form 24, 44* & 49*) or Company Act 2016 (Form 14/ 46(3), 51/58/78)	✓	✓
28	Satu (1) contoh dokumen peralatan yang diluluskan oleh Jabatan Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan (JKKP) Malaysia.	✓	✓
14 – Perkhidmatan Jentera Konveyor			
01	Sijil SSM	✓	✓
02	Profil Syarikat	✓	✓
04	Company Act 1965 (Form 24, 44* & 49*) or Company Act 2016 (Form 14/ 46(3), 51/58/78)	✓	✓
28	Satu (1) contoh dokumen peralatan yang diluluskan oleh Jabatan Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan (JKKP) Malaysia.	✓	✓
15 – Operator Pukal			
01	Sijil SSM	✓	✓
02	Profil Syarikat	✓	✓
04	Company Act 1965 (Form 24, 44* & 49*) or Company Act 2016 (Form 14/ 46(3), 51/58/78)	✓	✓
16 – *Pembungkusan*			
01	Sijil SSM	✓	✓
02	Profil Syarikat	✓	✓
04	Company Act 1965 (Form 24, 44* & 49*) or Company Act 2016 (Form 14/ 46(3), 51/58/78)	✓	✓
17 – Perkhidmatan Pemandu Roro / Kargo			
01	Sijil SSM	✓	✓
02	Profil Syarikat	✓	✓

04	Company Act 1965 (Form 24, 44* & 49*) or Company Act 2016 (Form 14/ 46(3), 51/58/78)	✓	✓
18 – Pembekal Keperluan Kapal			
01	Sijil SSM	✓	✓
02	Profil Syarikat	✓	✓
04	Company Act 1965 (Form 24, 44* & 49*) or Company Act 2016 (Form 14/ 46(3), 51/58/78)	✓	✓
19 – Memuat dan Memunggah			
01	Sijil SSM	✓	✓
02	Profil Syarikat	✓	✓
04	Company Act 1965 (Form 24, 44* & 49*) or Company Act 2016 (Form 14/ 46(3), 51/58/78)	✓	✓
20 – Penyelaman			
01	Sijil SSM	✓	✓
02	Profil Syarikat	✓	✓
04	Company Act 1965 (Form 24, 44* & 49*) or Company Act 2016 (Form 14/ 46(3), 51/58/78)	✓	✓
14	Lesen Penyelaman (Komersil)	✓	✓
21 – Bekalan Air Tawar			
01	Sijil SSM	✓	✓
02	Profil Syarikat	✓	✓
04	Company Act 1965 (Form 24, 44* & 49*) or Company Act 2016 (Form 14/ 46(3), 51/58/78)	✓	✓
11	*Domestic Shipping License* (DSL) masih sah laku	✓	✓
18	Sijil Pendaftaran Kapal / *Ship Registry*	✓	✓
22 – Pembekal Bahan Bakar			
01	Sijil SSM	✓	✓
02	Profil Syarikat	✓	✓
04	Company Act 1965 (Form 24, 44* & 49*) or Company Act 2016 (Form 14/ 46(3), 51/58/78)	✓	✓
07	Lesen PDA 2 - Bunkering	✓	✓
08	Butiran Kapal / Trak	✓	✓
11	Lesen Perkapalan Domestik (DSL)	✓	✓
23 – Pembaikan Kapal			

01	Sijil SSM	✓	✓
02	Profil Syarikat	✓	✓
04	Company Act 1965 (Form 24, 44* & 49*) or Company Act 2016 (Form 14/ 46(3), 51/58/78)	✓	✓
24 – Pembaikan dan Pembekalan Alat Ganti Jentera			
01	Sijil SSM	✓	✓
02	Profil Syarikat	✓	✓
04	Company Act 1965 (Form 24, 44* & 49*) or Company Act 2016 (Form 14/ 46(3), 51/58/78)	✓	✓
25 – Sisa Domestik			
01	Sijil SSM	✓	✓
02	Profil Syarikat	✓	✓
04	Company Act 1965 (Form 24, 44* & 49*) or Company Act 2016 (Form 14/ 46(3), 51/58/78)	✓	✓
16	Lesen Kontraktor Angkat Sampah yang masih sah dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan (Local Authority)	✓	✓
26 – Perkhidmatan Tambatan			
01	Sijil SSM	✓	✓
02	Profil Syarikat	✓	✓
04	Company Act 1965 (Form 24, 44* & 49*) or Company Act 2016 (Form 14/ 46(3), 51/58/78)	✓	✓
25	Sijil Latihan	✓	✓
27 – Pelupusan Sisa			
01	Sijil SSM	✓	✓
02	Profil Syarikat	✓	✓
04	Company Act 1965 (Form 24, 44* & 49*) or Company Act 2016 (Form 14/ 46(3), 51/58/78)	✓	✓
15	Lesen Premis dan Pengangkutan Buangan Terjadual yang masih sah dikeluarkan oleh Jabatan Alam Sekitar (JAS) Malaysia	✓	✓
28 – Operasi Kapal ke Kapal (Kargo)			
01	Sijil SSM	✓	✓
02	Profil Syarikat	✓	✓
04	Company Act 1965 (Form 24, 44* & 49*) or Company Act 2016 (Form 14/ 46(3), 51/58/78)	✓	✓

09	Q 88	✓	✓
11	Lesen Perkapalan Domestik (DSL)	✓	✓
18	Sijil Pendaftaran Kapal	✓	✓
19	Kelulusan Jabatan Laut Malaysia	✓	✓
20	Surat lantikan kepada perkhidmatan Oil Spill Respond (OSR).	✓	✓
30	*Bank Guarantee* / Wang Jaminan	✓	✓
29 – Juruukur Bahan Bakar			
01	Sijil SSM	✓	✓
02	Profil Syarikat	✓	✓
04	Company Act 1965 (Form 24, 44* & 49*) or Company Act 2016 (Form 14/ 46(3), 51/58/78)	✓	✓
22	Lesen / Lantikan Bunker Surveyor	✓	✓

LAMPIRAN C

CARTA ALIR PROSES PENGURUSAN LESEN PERKHIDMATAN SOKONGAN OLEH LPJ



LAMPIRAN D

CARTA ALIR PROSES PENGURUSAN LESEN PERKHIDMATAN SOKONGAN OLEH SYARIKAT ATAU PEMILIK



LEMBAGA PELABUHAN JOHOR

DASAR PENGURUSAN LESEN JETI

TAHUN 2027

ISI KANDUNGAN

1. TUJUAN 1
2. TAFSIRAN 1
3. LATAR BELAKANG 3
4. TERMA DAN SYARAT 3
5. PERMOHONAN LESEN 4
6. PEMBATALAN DAN/ATAU PENGGANTUNGAN LESEN 5
7. PINDAAN 6
8. GARISPANDUAN 6
9. TARIKH KUATKUASA 6
10. PEMBATALAN 7
11. MAKLUMAT PERTANYAAN 7

LAMPIRAN A 8
LAMPIRAN B 9
LAMPIRAN C 11
LAMPIRAN D 12

1.0 TUJUAN

1.1 Dasar ini bertujuan untuk memaklumkan, menetapkan dan menguatkuasakan pengurusan permohonan lesen jeti persendirian yang beroperasi dalam had Pelabuhan Lembaga Pelabuhan Johor.

2.0 TAFSIRAN

2.1 Dalam dasar ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain, istilah-istilah berikut hendaklah mempunyai erti seperti yang ditetapkan di bawah:

"Dermaga/ Jeti" ialah *wharf, dock, pier or landing place operated or controlled by the Authority. Wharf includes any wall and building adjoining the forehouse, seabed or river bed;Dock includes basins, locks, cuts, entrance gracing-docks, keel blocks, inclined-planes slipways, gridirons, quays, wharehouse and other works and thins appertaining to any dock; Pier includes any stage, stairs, landing place, landing stage, jetty, floating barge or pontoon and any bridge or other works connected therewith;*

mana-mana dinding dan bangunan yang bersambung dengan persisir depan, dasar laut atau dasar sungai atau mana-mana struktur binaan di gigi air laut yang menjalankan aktiviti pemunggahan kargo di dalam had Pelabuhan Pasir Gudang dan Tanjung Pelepas di bawah Akta Lembaga Pelabuhan 1963.

"Lesen Jeti Operator" ertinya lesen yang diberikan kepada syarikat yang menjalankan aktiviti pemunggahan kargo di jeti persendirian atau di terminal khusus miliknya.

"Lesen Jeti Persendirian" ertinya lesen yang diberikan kepada pemilik jeti bagi tujuan menjalankan aktiviti pemunggahan kargo milik sendiri sahaja.

"Lesen Terminal Operator" ertinya lesen yang diberikan kepada mana-mana pihak yang mengurus dan mengendalikan sesuatu terminal yang digunakan oleh lebih daripada satu pengendali jeti.

"Pelulus" ertinya Pengurus Besar Lembaga Pelabuhan Johor atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa secara sah untuk menjalankan fungsi tersebut.

"MMS" ertinya *Marine Management System*, iaitu sistem atas talian yang digunakan bagi tujuan permohonan dan pengurusan lesen.

"Piagam Pelanggan" ertinya komitmen sesebuah organisasi terhadap pelanggan tentang tahap perkhidmatan yang akan diberikan.

"Pihak Berkuasa" ertinya organisasi, agensi atau badan yang diberi kuasa secara sah oleh undang-undang untuk mengawal, menguatkuasakan, meluluskan, mengawal selia atau membuat keputusan dalam sesuatu bidang tertentu mengikut punca kuasa masing-masing.

"Deposit Tunai" ertinya wang tunai secara fizikal atau pindahan bank terus kepada pihak penerima manfaat (contohnya pemilik projek, agensi kerajaan, atau tuan rumah) sebagai cagaran.

"Jaminan Bank" ertinya surat akujanji rasmi yang dikeluarkan oleh pihak bank kepada pihak ketiga (penerima manfaat) bagi menjamin bahawa anda akan memenuhi obligasi kontrak.

3.0 LATAR BELAKANG

3.1 Lembaga Pelabuhan Johor (LPJ) menjalankan kuasa di bawah Seksyen 3(2)(v) Akta Lembaga-Lembaga Pelabuhan 1962 (Akta 488) dan Undang-Undang Kecil Lembaga Pelabuhan Johor 1979 bagi melesenkan apa-apa perkhidmatan atau kerja yang dijalankan dalam had pelabuhan Lembaga Pelabuhan Johor.

3.2 Fungsi utama perlesenan adalah untuk memastikan semua aktiviti dan operasi di jeti dalam had pelabuhan Lembaga Pelabuhan Johor dijalankan secara sah serta mematuhi segala peraturan yang ditetapkan oleh LPJ dan agensi berkaitan.

3.3 LPJ hendaklah memastikan bahawa sesuatu lesen jeti hanya dikeluarkan setelah semua syarat pelesenan dipenuhi sepenuhnya dan dokumen yang berkaitan adalah lengkap, selaras dengan Piagam Pelanggan yang berkuat kuasa.

3.4 Kewajipan untuk melesenkan jeti di dalam had Pelabuhan Lembaga Pelabuhan Johor adalah tertakluk kepada Notis Pelabuhan LPJ yang perlu dirujuk dari semasa ke semasa.

4.0 TERMA DAN SYARAT

4.1 Pemegang lesen hendaklah pada setiap masa mematuhi semua undang-undang yang berkuat kuasa, termasuk apa-apa peraturan, perintah, pindaan atau arahan yang dikeluarkan di bawah Akta Lembaga-Lembaga Pelabuhan 1962 (Akta 488) serta mana-mana undang-undang lain yang berkaitan dari semasa ke semasa.

4.2 Pemegang lesen hendaklah memastikan bahawa bagi setiap permohonan yang memerlukan kelulusan atau lesen daripada agensi lain, kelulusan atau lesen tersebut telah diperoleh terlebih dahulu dan masih sah tempohnya sebelum permohonan dikemukakan.

4.3 Sekiranya pemegang lesen memerlukan surat sokongan daripada Lembaga Pelabuhan Johor (LPJ) bagi tujuan mendapatkan kelulusan daripada mana-mana agensi kerajaan, permohonan hendaklah dikemukakan secara bertulis kepada Pengurus Besar LPJ.

4.4 Pejabat operasi pemegang lesen hendaklah mempunyai cawangan di Negeri Johor.

4.5 Pemegang lesen hendaklah menjalankan operasi hanya dalam had Pelabuhan Lembaga Pelabuhan Johor, selaras dengan jenis lesen jeti yang telah diluluskan.

4.6 Pemegang lesen adalah bertanggungjawab ke atas apa-apa tuntutan, kerugian atau liabiliti yang timbul akibat aktiviti yang dijalankan.

4.7 Lesen tidak boleh dipindah milik, disewakan atau dipinjamkan kepada mana-mana pihak lain.

4.8 Lesen hendaklah sedia dikemukakan kepada mana-mana Pihak Berkuasa apabila diperlukan.

4.9 LPJ boleh mengambil tindakan undang-undang terhadap pemegang lesen sekiranya secara sengaja atau cuai melanggar mana-mana peraturan atau arahan pegawai LPJ yang diberi kuasa.

4.10 Lesen yang dikeluarkan tidak boleh ditafsirkan sebagai suatu jaminan atau komitmen untuk mendapatkan sebarang peluang perniagaan di pelabuhan atau terminal.

5.0 PERMOHONAN LESEN

5.1 Permohonan boleh dibuat secara dalam talian di www.lpjpcs.gov.my.

5.2 Pemegang lesen hendaklah terlebih dahulu memperoleh kelulusan daripada Pihak Berkuasa yang berkaitan bagi sebarang perubahan ke atas maklumat yang dinyatakan dalam lesen sebelum perubahan tersebut dilaksanakan.

5.3 Lesen jeti adalah terbatal secara serta-merta sekiranya Jabatan lain membatalkan atau menarik balik sebarang kelulusan aktiviti yang dijalankan di jeti dibawah punca kuasa Jabatan berkaitan.

5.4 Tiada bayaran balik fi lesen jeti yang telah dijelaskan kepada LPJ sekiranya pemegang lesen membatalkan lesen yang telah dikeluarkan.

5.5 Permohonan pembaharuan lesen jeti hendaklah dikemukakan dalam tempoh tiga puluh (30) hari sebelum tarikh tamat tempoh lesen.

5.6 Permohonan untuk pembaharuan lesen hendaklah dikemukakan kepada Lembaga Pelabuhan Johor (LPJ) mengikut tatacara yang ditetapkan. Bagi mana-mana lesen yang telah tamat tempoh melebihi dua (2) tahun, permohonan pembaharuan tersebut hendaklah dianggap dan diproses sebagai permohonan baharu.

5.7 Lesen akan terbatal secara serta-merta sekiranya pemohon gagal menjelaskan bayaran fi lesen jeti dalam tempoh empat belas (14) hari bekerja dari tarikh lesen diluluskan. Dalam keadaan sedemikian, pemegang lesen hendaklah mengemukakan permohonan baharu sekiranya masih berhasrat untuk mendapatkan lesen.

5.8 LPJ berhak membatalkan atau menggantung lesen tanpa notis terlebih dahulu dan berkuat kuasa serta-merta sekiranya didapati bahawa maklumat yang dikemukakan oleh pemegang lesen adalah tidak benar, mengelirukan atau palsu.

5.9 Semua keputusan berkaitan kelulusan, pembatalan, penggantungan dan pembaharuan lesen adalah diputuskan oleh Pelulus.

6.0 PEMBATALAN DAN/ATAU PENGGANTUNGAN LESEN

6.1 LPJ boleh pada bila-bila masa, menurut budi bicara mutlaknya, membatalkan atau menggantung lesen atau kedua-duanya sekali sekiranya:

i. pemegang lesen melakukan suatu kesalahan di bawah Akta 488; atau

ii. pemegang lesen melanggar mana-mana syarat lesen.

6.2 LPJ boleh mengeluarkan apa-apa arahan yang difikirkan perlu demi kepentingan awam, dan pemegang lesen hendaklah mematuhi arahan tersebut.

6.3 Pemegang lesen tidak berhak menuntut sebarang ~~pampasan~~ bayaran semula fi lesen jeti atas pembatalan, penggantungan atau keengganan pembaharuan lesen.

7.0 PINDAAN

7.1 Dasar ini tertakluk kepada pindaan, semakan dan perubahan dari semasa ke semasa.

7.2 LPJ berhak meminda mana-mana peruntukan tanpa notis terlebih dahulu.

7.3 Sekiranya mana-mana peruntukan dalam terma dan syarat ini diputuskan sebagai tidak sah atau tidak boleh dikuatkuasakan, peruntukan tersebut hendaklah dianggap terasing dan dipotong tanpa menjejaskan kesahan dan penguatkuasaan peruntukan-peruntukan lain yang masih berkuat kuasa.

8.0 GARIS PANDUAN

8.1 Kadar bayaran bagi lesen jeti adalah sebagaimana yang dinyatakan dalam **Lampiran A**.

8.2 Syarat dan keperluan dokumen bagi permohonan lesen jeti adalah sebagaimana yang dinyatakan dalam **Lampiran B**.

8.3 Carta alir proses pengurusan permohonan lesen jeti oleh Lembaga Pelabuhan Johor (LPJ) adalah sebagaimana yang dinyatakan dalam **Lampiran C**.

8.4 Carta alir proses pengurusan permohonan lesen jeti oleh pemohon adalah sebagaimana yang dinyatakan dalam **Lampiran D**.

9.0 TARIKH KUATKUASA

9.1 Dasar Pengurusan Lesen Jeti ini berkuat kuasa mulai **1 Januari 2027.**

10.0 PEMBATALAN

10.1 Dengan berkuatkuasanya Dasar Pengurusan Lesen Jeti ini, maka Dasar Pengurusan Lesen Jeti (Pindaan Pertama) adalah dibatalkan.

11.0 MAKLUMAT PERTANYAAN

Sebarang pertanyaan berhubung Dasar Pengurusan Lesen Jeti boleh ditujukan kepada:

Lembaga Pelabuhan Johor
Jalan Mawar Merah 2,
Pusat Perdagangan Pasir Gudang 2,
81700 Pasir Gudang
Johor
Tel: 07- 253 4000

"PROFESIONALISME MEMANTAPKAN PERKHIDMATAN"

Pengurus Besar
Lembaga Pelabuhan Johor

LAMPIRAN A

KADAR BAYARAN LESEN JETI

KOD	KATEGORI LESEN JETI	TEMPOH LESEN DIBERIKAN	DEPOSIT TUNAI (RM) / JAMINAN BANK	KADAR BAYARAN LESEN MENGIKUT TEMPOH KELULUSAN	
				KADAR 6 BULAN	TAHUNAN (BERAKHIR 31 DISEMBER)
				RM	RM
1.	Jeti Persendirian	Baharu (6 bulan) atau Tahunan (12 bulan) berakhir 31 Disember	5,000.00 atau mengikut purata tiga (3) bulan transaksi nilaian kargo	2,500.00	5,000.00
2.	Jeti Operator	5 tahun mengikut syarat lesen	100,000.00 atau mengikut purata tiga (3) bulan transaksi nilaian kargo	-	5,000.00
3.	Terminal Operator	Melebihi 5 tahun mengikut tempoh sewaan dan pemilikan tanah	100,000.00 atau mengikut purata tiga (3) bulan transaksi nilaian kargo	-	10,000.00

LAMPIRAN B

SYARAT DOKUMEN LESEN JETI

BIL	KATEGORI LESEN	DOKUMEN YANG DIPERLUKAN	
		BAHARU	PEMBAHARUAN
1.	Sijil Pendaftaran Syarikat (SSM) (Akta Pendaftaran Perniagaan 1956) dan Akta Syarikat 2016	✓	✓
2.	Lesen Pendudukan Sementara (LPS) daripada Pejabat Tanah Daerah atau Dokumen Pajakan / Sewaan daripada Tanah Kerajaan	✓	✓
3.	Permit Khas Pejabat Tanah dan Galian Negeri Johor (PTG) - bagi tujuan selain daripada syarat nyata di atas tanah bermilik kategori pertanian, bangunan dan industri.	✓	✓
4.	Surat kebenaran daripada KASTAM (Akta Kastam 1967) - tidak terpakai bagi aktiviti baiki kapal	✓	✓
5.	Surat tiada halangan daripada Jabatan Laut Wilayah Selatan	✓	✓
6.	Surat tiada halangan daripada Jabatan Imigresen Johor (terpakai untuk jeti mengendalikan penumpang dan anak kapal)	✓	✓
7.	Lesen tahunan atau surat tiada halangan daripada BAKAJ	✓	✓
8.	Kelulusan daripada Jabatan Alam Sekitar (kawasan jeti baharu sahaja dan sekiranya ada perubahan fizikal) *Nota : Sesalinan DEIA, MRA dan FMSS perlu diserahkan kepada LPJ beserta pindaan.*	✓	✓
9.	Surat sokongan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)	✓	✓
10.	*Bathymetric Survey* yang disahkan badan teknikal	✓	✓
11.	Imej satelit kedudukan kawasan struktur jeti dan tanah (Google map)	✓	✓

12.	*Laporan audit Emergency Respond Plan* (ERP)	-	✓
13.	Pelan reka bentuk struktur jeti (*as build drawing dermaga)* yang disahkan badan teknikal	✓	✓
14.	Jaminan Bank / Deposit Tunai	✓	✓

LAMPIRAN C

CARTA ALIR PROSES PENGURUSAN LESEN JETI OLEH LPJ



LAMPIRAN D

CARTA ALIR PROSES PENGURUSAN LESEN JETI OLEH SYARIKAT / PEMILIK



LEMBAGA PELABUHAN JOHOR

DASAR PENGURUSAN

LESEN LAY-UP

TAHUN 2027

ISI KANDUNGAN

1. TUJUAN 1

2. TAFSIRAN 1

3. LATAR BELAKANG 3

4. TERMA DAN SYARAT 3

5. PERMOHONAN LESEN 4

6. PEMBATALAN DAN/ATAU PENGGANTUNGAN LESEN 5

7. PINDAAN 6

8. GARIS PANDUAN 6

9. TARIKH KUATKUASA 6

10. PEMBATALAN 6

11. MAKLUMAT PERTANYAAN 7

LAMPIRAN A 8

LAMPIRAN B 9

LAMPIRAN C 10

LAMPIRAN D 121

LAMPIRAN E 122

TERMS AND CONDITIONS LAY UP ACTIVITIES 123

1.0 TUJUAN

Dasar ini bertujuan untuk memaklumkan, menetapkan dan menguatkuasakan pengurusan permohonan lesen aktiviti lay-up di dalam had Pelabuhan Lembaga Pelabuhan Johor.

2.0 TAFSIRAN

Melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain, tafsiran di bawah hendaklah terpakai bagi maksud dasar ini:

"Lay-up" ertinya satu aktiviti di mana kapal tidak beroperasi dan berlabuh tunggu dalam jangka masa tertentu dengan syarat bahawa nakhoda atau pemilik vesel itu telah memberikan notis bertulis kepada LPJ memaklumkan bahawa vesel itu adalah dalam keadaan sedemikian.

"MMS" ertinya *Marine Management System*, iaitu sistem dalam talian yang digunakan bagi tujuan permohonan, pemprosesan dan pengurusan lesen lay-up.

"Tempoh" ertinya tempoh masa yang dibenarkan untuk berlabuh tunggu di kawasan labuhan.

"Pelulus" ertinya Pengurus Besar LPJ atau mana mana Pegawai LPJ yang diberikan kuasa sebagai pelulus.

"Pihak Berkuasa" ertinya organisasi / agensi atau badan yang diberi kuasa secara sah oleh undang-undang untuk mengawal, menguatkuasakan, meluluskan, mengawal selia atau membuat keputusan dalam sesuatu bidang tertentu mengikut punca kuasa masing-masing.

"Pemegang Lesen" ertinya pemilik / wakil kapal atau ejen perkapalan tempatan yang mendapat lesen aktiviti lay-up.

"Wang Jaminan" ertinya suatu jaminan kewangan yang dikemukakan oleh pemilik kapal, ejen kapal atau pihak yang memohon lesen kepada LPJ sebagai jaminan bagi memastikan pemegang lesen mematuhi syarat-syarat lesen serta tanggungjawab yang ditetapkan.

"Pengendali pelabuhan" ertinya pengendali yang dilesenkan oleh LPJ di bawah Bahagian III Akta Pelabuhan-Pelabuhan (Penswastaan) 1990 untuk mengurus dan mengendalikan pengusahaan Pelabuhan Johor mengikut terma-terma dan syarat-syarat lesen.

3.0 LATAR BELAKANG

3.1 Lesen lay-up dikeluarkan di bawah Seksyen 3(2)(v) Akta Lembaga-Lembaga Pelabuhan 1963 (Akta 488), tertakluk kepada terma dan syarat-syarat yang ditetapkan.

3.2 Lesen lay-up yang dikeluarkan kepada pemilik kapal atau ejen perkapalan tempatan hendaklah melalui prosedur yang ditetapkan oleh LPJ, dengan sokongan pihak pengendali pelabuhan, khususnya dari aspek operasi dan perkhimatan marin.

3.3 Kawasan Kuala Sungai Johor dikenal pasti sebagai lokasi yang sesuai untuk aktiviti lay-up jangka panjang, berikutan faktor geografi yang terlindung serta kedudukannya di luar laluan utama kapal dagang. Walau bagaimanapun, aktiviti *lay-up* boleh dilaksanakan di kawasan lain selagi berada di bidang kuasa LPJ tertakluk kepada kelulusan Pelulus.

3.4 Fungsi utama perlesenan adalah untuk memastikan semua aktiviti lay-up yang dijalankan di dalam had pelabuhan Pasir Gudang adalah sah, teratur dan mematuhi terma dan syarat, garis panduan serta arahan yang dikeluarkan oleh LPJ.

4.0 TERMA DAN SYARAT

4.1 Pemegang Lesen hendaklah mematuhi sepenuhnya syarat-syarat yang terkandung dalam *Terms and Conditions of Laying Up Vessel* (Rujukan: LPJ/LAYUP/001/2027).

4.2 Pemegang Lesen hendaklah mematuhi semua undang-undang Kerajaan, peraturan, perintah dan apa-apa pindaan di bawah Akta Lembaga-Lembaga Pelabuhan 1963 yang berkuat kuasa dari semasa ke semasa.

4.3 Aktiviti lay-up dan lesen yang dikeluarkan hanya sah dan terpakai dalam had Pelabuhan Pasir Gudang sahaja.

4.4 Pejabat operasi Pemegang Lesen hendaklah mempunyai cawangan pejabat operasi di Negeri Johor.

4.5 Pemegang Lesen bertanggungjawab ke atas apa-apa tuntutan, kerugian atau liabiliti yang timbul akibat aktiviti lay-up yang dijalankan.

4.6 Lesen lay-up tidak boleh dipindah milik, disewakan atau dipinjamkan kepada mana-mana pihak lain.

4.7 Lesen lay-up hendaklah sedia dikemukakan kepada mana-mana Pihak Berkuasa apabila diperlukan.

4.8 LPJ boleh mengambil tindakan undang-undang terhadap Pemegang Lesen yang secara sengaja atau cuai melanggar mana-mana peruntukan akta, undang-undang kecil dan peraturan atau arahan pegawai LPJ yang diberi kuasa.

4.9 Lesen lay-up yang dikeluarkan tidak boleh ditafsirkan sebagai suatu jaminan atau komitmen untuk mendapatkan sebarang peluang perniagaan di pelabuhan atau terminal.

5.0 PERMOHONAN LESEN

5.1 Permohonan boleh dibuat secara dalam talian di www.lpjpcs.gov.my.

5.2 Tempoh lesen adalah berdasarkan kategori jenis kapal mengikut tempoh yang diberikan di **Lampiran A.**

5.3 Sekiranya kapal keluar dari kawasan labuhan yang ditetapkan, lesen adalah terbatal serta merta. Pemegang Lesen perlu memohon kembali lesen baharu sekiranya ada keperluan untuk membuat aktiviti lay-up.

5.4 Kapal yang berlabuh tunggu di dalam had pelabuhan melebihi empat belas (14) hari, pemilik / wakil atau ejen kapal perlu memohon lesen lay-up dan ditempatkan dilokasi yang bersesuaian.

5.5 Lesen lay-up terbatal secara serta-merta sekiranya Jabatan Kerajaan lain membatalkan atau menarik balik aktiviti lay-up dibawah punca kuasa Jabatan berkaitan.

5.6 LPJ tidak akan mengembalikan semula bayaran lesen kepada Pemegang Lesen sekiranya berlaku pembatalan lesen.

5.7 Permohonan pembaharuan lesen lay-up hendaklah dikemukakan dalam tempoh tiga puluh (30) hari sebelum tarikh tamat tempoh lesen.

5.8 Lesen terbatal secara serta-merta sekiranya bayaran lesen gagal dijelaskan dalam tempoh empat belas (14) hari bekerja dari tarikh kelulusan lesen.

5.9 LPJ berhak membatalkan atau menggantung lesen tanpa notis sekiranya maklumat yang dikemukakan didapati palsu atau tidak benar.

5.10 Semua keputusan berkaitan kelulusan, pembatalan, penggantungan dan pembaharuan lesen adalah diputuskan oleh Pelulus.

6.0 PEMBATALAN DAN/ATAU PENGGANTUNGAN LESEN

6.1 LPJ boleh pada bila-bila masa, menurut budi bicara mutlaknya, menggantung atau membatalkan lesen atau kedua-duanya sekali sekiranya:

i. Pemegang Lesen melakukan suatu kesalahan di bawah Akta Lembaga-Lembaga Pelabuhan 1963 (Akta 488), Undang-Undang Kecil LPJ dan peraturan yang berkuatkuasa dari semasa ke semasa; atau

ii. Pemegang Lesen melanggar mana-mana syarat lesen.

6.2 LPJ boleh mengeluarkan apa-apa arahan yang difikirkan perlu demi kepentingan awam, dan Pemegang Lesen hendaklah mematuhi arahan tersebut.

6.3 Pemegang Lesen tidak berhak menuntut sebarang gantirugi atas penggantungan, pembatalan atau keengganan pembaharuan lesen.

7.0 PINDAAN

7.1 Dasar ini tertakluk kepada pindaan, semakan dan perubahan dari semasa ke semasa.

7.2 LPJ berhak meminda mana-mana peruntukan tanpa notis terlebih dahulu.

7.3 Sekiranya mana-mana peruntukan dalam terma dan syarat ini diputuskan sebagai tidak sah atau tidak boleh dikuatkuasakan, peruntukan tersebut hendaklah dianggap terasing dan dipotong tanpa menjejaskan kesahan dan penguatkuasaan peruntukan-peruntukan lain yang masih berkuat kuasa.

8.0 GARIS PANDUAN

8.1 Kadar bayaran Lesen Lay-Up **(Lampiran A)**

8.2 Kadar Bayaran Deposit **(Lampiran B)**

8.3 Syarat dokumen Lesen Lay-Up **(Lampiran C)**

8.4 Carta alir pengurusan Lesen Lay-Up oleh LPJ **(Lampiran D)**

8.5 Carta alir pengurusan Lesen Lay-Up oleh Pemegang Lesen **(Lampiran E)**

9.0 TARIKH KUATKUASA

9.1 Dasar Pengurusan Lesen Lay-Up ini berkuat kuasa mulai **1 Januari 2027.**

10.0 PEMBATALAN

10.1 Dengan berkuatkuasanya Dasar Pengurusan Lesen Lay-Up ini, maka Dasar Pengurusan Lesen Lay-Up (Pindaan Pertama) adalah dibatalkan.

11.0 MAKLUMAT PERTANYAAN

Sebarang pertanyaan berhubung Dasar Pengurusan Lesen Lay-Up boleh ditujukan kepada:

Sebarang pertanyaan boleh hubungi di:

Lembaga Pelabuhan Johor
Jalan Mawar Merah 2,
Pusat Perdagangan Pasir Gudang 2,
81700 Pasir Gudang
Johor
Tel: 07- 253 4000

"PROFESIONALISME MEMANTAPKAN PERKHIDMATAN"



Pengurus Besar
Lembaga Pelabuhan Johor

LAMPIRAN A

KADAR BAYARAN LESEN LAY-UP

KOD	KATEGORI LESEN LAY-UP	KADAR BAYARAN LESEN	
		3 BULAN	6 BULAN
		RM	RM
1	Semua Jenis Kapal atau Barge	2,500.00	5,000.00
2	Pelantar Minyak *Jack Up, Semi-submersible*	5,000.00	10,000.00

LAMPIRAN B

KADAR BAYARAN WANG JAMINAN

NO.	PANJANG KAPAL BAGI SETIAP VESEL	JUMLAH (RM)
1	Vesel sehingga 100 meter	54,000.00
2	Vesel melebihi 100 meter tetapi tidak melebihi 150 meter	90,000.00
3	Vesel melebihi 150 meter tetapi tidak melebihi 200 meter	180,000.00
4	Vesel melebihi 200 meter tetapi tidak melebihi 280 meter	360,000.00
5	*Very Large Crude Carrier* (VLCC) atau vesel melebihi 280 meter	540,000.00
6	Pelantar minyak (jack-up)	150,000.00
7	Pelantar Minyak (semi-submersible)	540,000.00

LAMPIRAN C

SYARAT DOKUMEN LESEN LAY-UP

BIL	KATEGORI LESEN	DOKUMEN YANG DIPERLUKAN	
		BARU	PERBAHARUI
1.	Surat permohonan	✓	✓
2.	Surat lantikan sebagai *shipcare* dari pemilik kapal masih sah laku	✓	✓
3.	Insuran kapal masih sah laku	✓	✓
4.	*Emergency Response Plan* (ERP)	✓	✓
5.	*Ship Particular*	✓	✓
6.	GA Plan	✓	✓
7.	*Class survey report* masih sah laku	✓	✓
8.	Wang Jaminan (Rujuk Lampiran B)	✓	✓
10.	Underwater Works Inspection Report	✓	✓
11.	Terms And Conditions of Lay Up Activities	✓	✓

LAMPIRAN D

CARTA ALIR PROSES PENGURUSAN LESEN LAY-UP OLEH LPJ



LAMPIRAN E

CARTA ALIR PROSES PENGURUSAN LESEN LAY-UP OLEH PEMEGANG LESEN



JOHOR PORT AUTHORITY

TERMS AND CONDITIONS

LAY-UP ACTIVITIES

Port Authority Act 1963; Section (3)(2)(y)

Ref No: LPJ/LAYUP/001/2027

01 JANUARY 2027

TERMS AND CONDITIONS OF LAYING UP VESSEL

1.0 LOCATION

1.1 The vessel shall be laid up only at the approved location by Johor Port Authority (JPA).

1.2 Any changes in lay-up location requires prior approval from JPA.

2.0 MARINE SERVICES

2.1 Johor Port Authority pilot, or any pilot licensed by Johor Port Authority, shall conduct all movements of the vessel either proceeding to, or lay-up area, or while in the lay-up area. All movements of the vessel shall be undertaken by the Authorised pilots, or any person licensed to pilot the vessel pursuant to Section 29A of the Port Authorities Act 1963, and tugs belonging to or authorized by JPA.

2.2 The number of tugs required to assist the movement or to standby will be informed accordingly.

2.3 All movements shall be conducted based on *Standard Operating Procedure* conducted port operator.

3.0 NAVIGATION AND POSITIONING

3.1 A sufficient amount of cable shall be veered in order to avoid the dragging of an anchor.

3.2 A marker buoy shall be placed to indicate the position of each anchor.

3.3 The vessel's position shall be checked and maintained at all times.

3.4 The vessel navigating to the lay-up area shall proceed at a safe speed consistent with the safety of navigation and shall pass through the shallow waters.

3.5 The Master (lay up vessel) shall be responsible for the safety and navigation of the vessel at all times.

3.6 Vessels anchoring in lay-up position in 'rafting' conditions must follow the

requirements from the port operator with regards to safety purposes.

3.7 All round red light visible for the distance of at least two (2) nautical miles, shall be exhibited at the highest point (mast) of the vessel, at all times from dust to down (approx.1800hrs. to 0800hrs)

3.8 The vessel shall be moored so as to be clear of all other vessels at all times during all conditions of wind and tide.

4.0 RESPONSIBILITIES

4.1 The Licensee shall be liable for, in a meet in full, all liabilities in relation to the vessel whether statutory, tortuous, or contractual.

4.2 The Licensee liable for any damage, loss, or injury caused to the vessel, shipping agent, master, or crew, during the vessel's stay in the Port regardless of whether such damage, loss, or injury was caused by the official of Port Authority, the port operator, or any third parties.

4.3 The Licensee liable shall indemnify the JPA, and the port operator in respect of any loss, damage, injury, or death caused by their vessel, shipping agent to third parties, or any property vested in the third parties, or the Authority and the port operator.

4.4 The Licensee shall pay promptly and in full all charges, rates, and dues being levied on the vessel.

4.5 The Licensee shall be responsible for all garbage collection, and no garbage, rubbish, waste, or other matter shall be dumped into the sea.

4.6 The Licensee shall comply with all the Port Notices established by JPA or other relevant agencies from time to time.

4.7 The Licensee shall undertake of vessel/ rig is wreaked, stranded or in distress, plunder, create disorder or obstruct the preservation of the ship/rig to be recovered or salvage by other authority shall be payable to the salver by the owner such ship or wreck has been save when service is rendered in saving life from any danger.

4.8 It is the responsibility of the Licensee to look after all matters relating to security, firefighting, and periodical of the moorings of the vessel.

4.9 No vessel / boat / craft is permitted to go alongside, and no person is

allowed on board the vessel unless authorized by JPA and the relevant Authorities.

4.10 Any repair works/ additional works shall be carried out only by contractors licensed by JPA.

4.11 No dutiable items or goods shall be taken on board unless approved by the Customs Department. All dutiable stores shall be kept under lock and sealed by the Customs. The Customs seal shall not be broken while the vessel is within the territorial waters.

4.12 No arms, ammunition, or explosives shall be on board while the vessel is in lay-up.

4.13 The Licensee shall be in Johor Bahru so that a liaison between Marine Department of Malaysia or Government Department and the ship can be always maintained and especially in case of emergencies.

4.14 It is the responsibility of the ship owners to engage a local ejency to look after all matters relating to security, fire-fighting, and periodical of the moorings of the vessel.

4.15 No vessel / boat / craft is permitted to go alongside and no person is allowed on board the vessel unless authorized by the relevant Authorities.

4.16 In addition to all other conditions, the vessel shall comply with all laws, rules, and regulations currently in force in Malaysia, and amended from time to time, unless otherwise exempted.

5.0 EQUIPMENT

5.1 The main engine shall always be in good working order when proceeding to lay-up area.

5.2 A VHF set with must be provided to contact shore (VTMS LPJ (JPC) – at least Channels 11, and 16) in case of medical emergencies or other incidents.

5.3 The vessel must ensure the Automatic Identification System (AIS) transponder is working properly and "switch on" at all times

5.4 A serviceable portable aid (day-light and non-day-light signalling) lamp

powered by a battery must be provided at all times for visual communication.

5.5 The vessel must have the warehouse for equipment

5.6 The vessel must provide radio room

5.7 The vessel must provide boat assistance

5.8 The vessel must have their cargo tanks cleaned and certified gas-free. Only clean ballast should be used if the ballast is put into cargo tanks. The gas-free state of all tanks must be maintained & subsequently renewed every calendar month.

6.0 INSURANCE

6.1 The Licensee shall submit true copies of certificates of insurance (tanker insurance, P & I, etc.) to the JPA or his authorized representative together with this application for a license.

6.2 Any changes in operational status shall be notified to the insurer as required.

7.0 MANNING

7.1 The vessel proceeding to lay-up shall be fully manned.

7.2 Minimum manning of the crew on board subject to Marine Department of Malaysia approval.

7.3 The Licensee must provide complete list of personnel engaged on board with full particulars of name, nationality, and identity card/passport number.

8.0 CLASSIFICATION

8.1 The classification of the vessel is to be fully maintained, and all statutory certificates are valid through the lay-up period.

9.0 MAINTENANCE AND PRESERVATION

9.1 Regular inspections and preservation measures shall be carried out in accordance with manufacturer recommendations and company procedures.

9.2 Maintenance records shall be maintained throughout the lay-up period.

10.0 SAFETY REQUIREMENTS

10.1 All applicable health, safety, and environmental regulations shall be complied with.

10.2 Firefighting, security, and emergency response arrangements shall remain operational during the lay-up period.

11.0 ACCESS AND SECURITY

11.1 Access to the laid-up asset shall be restricted to authorized personnel only.

11.2 Adequate security measures shall be implemented to prevent unauthorized access, theft, or vandalism.

12.0 COSTS AND EXPENSES

12.1 All costs related to lay-up, maintenance, inspections, utilities, and security shall be borne by the party specified in the agreement.

13.0 REACTIVATION

13.1 Reactivation shall only take place after completion of the required inspections, testing, and certification.

14.0 LIABILITY

14.1 Each party shall be responsible for losses or damages arising from its negligence or failure to comply with these terms and conditions.

15.0 TERMINATION

15.1 Either party may terminate the lay-up arrangement by providing written notice in accordance with the agreed notice period.

01 JANUARY 2027

JOHOR PORT AUTHORITY